

09 APR 2000

G77-Sekretariat

G-77 AKAN BENTUK SEKRETARIAT EKSEKUTIF

Oleh: E.Sivabalan

HAVANA, 9 April (Bernama) -- Sidang Kemuncak Selatan Kumpulan 77 (G-77) yang pertama di sini minggu depan akan mengkaji cara bagi mempertingkatkan penyusunan pejabat pengerusi kumpulan itu yang kini bersifat sementara kepada sekretariat eksekutif yang lebih padat.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata G-77 akan menimbang mewujudkan satu struktur, "seperti rumah persinggahan" antara penyusunan sekarang yang longgar dan penubuhan sekretariat penuh.

"Masanya sudah sampai bagi kumpulan itu menerima pakai penyusunan yang lebih tersusun bagi menjalankan urusannya," katanya dalam jawapan bertulis kepada Bernama melalui Internet.

Jawatan pengerusi digilirkan di kalangan negara-negara anggota G-77 dan pada masa ini ia dipegang oleh Nigeria. Kumpulan G-77 ditubuhkan pada 15 Jun, 1964 oleh 77 negara membangun dan sehingga kini kumpulan ekonomi itu dianggotai 133 negara termasuk China.

Syed Hamid dijadual tiba Isnin ini sebelum ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sidang kemuncak itu yang akan berlangsung antara 10 April dan 14 April, akan menghimpunkan lebih daripada 100 pemimpin negara-negara membangun termasuk China buat pertama kalinya sejak kumpulan itu dibentuk pada 1964.

Menteri Luar Cuba Perez Roque yang dipetik daripada laman web rasmi sidang kemuncak itu dilaporkan berkata bahawa pemimpin dari 56 negara mundur dan negara maju yang bukan anggota Kumpulan G-77, termasuk Kumpulan Tujuh (G-7) iaitu Amerika Syarikat, Perancis, Jepun, Britain, Jerman, Itali, Kanada dan Rusia juga dijemput menghadiri sidang berkenaan.

Syed Hamid berkata walaupun penyusunan semasa yang longgar bagi Kumpulan G-77 sudah berjaya mencapai penyelarasan yang berpatutan di sepanjang kewujudannya, kini ia perlu melakukan perubahan struktur dalaman.

"Memandangkan ia merupakan sidang kemuncak pertama pada alaf baru, negara-negara anggota sesungguhnya mahu memperkukuhkan kedudukan kumpulan berkenaan, terutama dalam isu-isu yang membentuk pelbagai tema pada sidang kemuncak itu," katanya.

Katanya sungguhpun terdapat kewajaran menubuhkan sekretariat penuh seperti Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), ia tidak boleh dilaksanakan kerana ia membabitkan kos yang tinggi.

Ditanya mengenai cadangan memperluaskan dialog antara G-77 dan G-7 (G-8), Syed Hamid berkata Malaysia memang sentiasa merupakan penyokong kuat bagi dialog seumpama itu.

Seperti sedia ada, dialog tidak rasmi sudah bermula antara wakil-wakil perseorangan ekonomi baru muncul, Kumpulan 15 dan G-8 Sherpa, katanya.

Syed Hamid berkata pembentukan sistem ekonomi antarabangsa yang stabil dan menyokong kepada pembangunan, bergantung sepenuhnya kepada pembaharuan dalam Dialog Utara-Selatan yang bermatlamat meningkatkan pendemokrasian struktur membuat keputusan global.

Menurutnya penubuhan Kumpulan 20 merupakan langkah ke hadapan yang konkrit ke arah pembentukan mekanisme tetap membabitkan ekonomi maju, membangun dan baru muncul dalam kewangan global.

"Kemasukan Indonesia dalam G-20 adalah satu rangsangan tetapi kita mahukan peranan yang lebih besar untuk negara-negara Asean dalam perbincangan kumpulan itu," kata Syed Hamid.

G-20 adalah campuran negara-negara anggota G-7, 11 pasaran ekonomi baru muncul dan dua wakil institusi yang memainkan peranan penting dalam ekonomi dunia.

Negara-negara itu ialah Argentina, Australia, Brazil, China, India, Mexico, Russia, Arab Saudi, Afrika Selatan, Korea Selatan dan Turki manakala dua wakil institusi adalah daripada Kesatuan Eropah dan Tabung Kewangan Antarabangsa/Bank Dunia.

G-20 yang menggantikan G-22 dan G-33, dijangka mempunyai mandat yang besar untuk membincangkan isu-isu ekonomi dunia, termasuk pencegahan krisis dan kerangka baru kewangan.

Mengenai isu bebanan hutang yang melumpuhkan kebanyakan negara-negara membangun, Syed Hamid berkata Malaysia sentiasa menyambut baik usaha untuk memperluaskan bantuan kepada negara-negara yang banyak berhutang.

"Hutang luar sudah meningkat ke tahap yang membimbangkan dan membebankan negara-negara miskin, terutama mereka yang tidak berupaya membayar balik hutang mereka.

"Selepas krisis kewangan global, masalah hutang negara-negara miskin menjadi semakin serius. Bagi negara-negara yang banyak berhutang, akses kepada pasaran kewangan antarabangsa menjadi semakin terhad dan menjejaskan pelaburan yang mungkin dapat menjana pertumbuhan," katanya.

Hutang luar negara-negara Selatan kepada Utara berjumlah AS\$2.5 trilion dan 25 peratus daripada pendapatan eksport disalurkan hanya untuk membayar hutang yang terus-menerus mencengkam negara-negara membangun.

-- BERNAMA

ES LAT MAI